



## BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

### GARIS PANDUAN / TATACARA PERMOHONAN SURAT AKUAN FILEM IKLAN BUATAN MALAYSIA (MIM)

1. Syarikat filem mesti memiliki **Lesen Pengeluaran Filem (PF)** daripada FINAS yang masih sah tempohnya.
2. Permohonan MIM perlu dibuat melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara (SPPIK) secara atas talian (*online*) dengan pengisian butiran maklumat yang lengkap dan memuatnaik dokumen yang diperlukan seperti :-
  - Papan cerita (*story board*) asal filem iklan dengan mengikut Format Lembaga Penapisan Filem (LPF).
  - Mengemukakan dokumen/surat/sijil berkaitan produk filem iklan yang dikeluarkan dan telah mendapat pengesahan serta kelulusan daripada pihak berwajib seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), JAKIM, KPDNHEP, MAFI dan lain-lain. (cth : Sijil Halal JAKIM bagi produk makanan/jamu/kosmetik/kesihatan, Surat Kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi produk perubatan/kimia dll).
  - Mengemukakan salinan Surat Sokongan Kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA), Permit Kerja atau berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen sekiranya pekerja filem asing terlibat dalam pengeluaran sesuatu filem iklan.
  - Mengemukakan surat kebenaran jika lokasi penggambaran dan pasca produksi di luar negara.
  - Memuatnaik video filem iklan dengan saiz video kurang dari 10MB dan setiap permulaan video filem iklan wajib ada *ID Board* (maklumat filem iklan).

(Perhatian : Semua dokumen perlu dikemukakan melalui *softcopy* **format PDF** sahaja dimuatnaik dalam sistem SPPIK)
3. Komponen yang dinilai dalam permohonan MIM :-
  - Lokasi penggambaran hendaklah dibuat di Malaysia dengan memaparkan persekitaran dan budaya negara. Kebenaran hendaklah diperolehi dari FINAS terlebih dahulu sekiranya ingin membuat penggambaran di luar negara.
  - Kerja-kerja pasca produksi hendaklah dibuat di Malaysia. Kebenaran dari FINAS mesti dipohon terlebih dahulu sekiranya perlu mendapatkan perkhidmatan pasca produksi di luar negara.
  - Kos pengeluaran hendaklah dibelanjakan di Malaysia sekurang-kurangnya 70 peratus dari keseluruhan kos pengeluaran.
  - Jika perlu hanya 30 peratus kakian asing dibenarkan untuk digunakan dalam iklan.
4. Permohonan berasingan diperlukan jika berlainan dari **segi citra** atau **jangkamasa**.
5. Hanya satu permohonan bagi iklan yang sama walaupun mempunyai pelbagai bahasa.
6. Bayaran sebanyak RM100.00 dibuat secara atas talian (*online*) melalui sistem SPPIK di pautan [www://sppik.finas.my](http://www://sppik.finas.my). Sijil MIM boleh dimuat turun/dicetak setelah transaksi pembayaran melalui SPPIK selesai dilakukan.

Pautan SPPIK : [www://sppik.finas.my](http://www://sppik.finas.my)  
Website FINAS : <http://www.finas.gov.my>  
E-mel : [pelesenanfinas@gmail.com](mailto:pelesenanfinas@gmail.com)  
Tel : 03-4104 1300 / 1458 / 1360